



Headline	Syarikat Malaysia meterai MoU		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	197,952
Page No	19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,134
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,537



Syarikat Malaysia meterai MoU

KUALA LUMPUR 17 April - Dua perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) dimeterai hari ini antara syarikat Malaysia dan rakan niaga mereka dari Kazakhstan.

Permeterian perjanjian itu yang dijangka dapat meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Industri dan Teknologi Baharu Kazakhstan, Asset Issekeshev, di sini.

Terdahulu, kedua-dua Menteri mempengerusikan mesyuarat dua hala, yang dihadiri oleh para pegawai daripada bahagian perdagangan dan pelaburan dari kedua-dua negara.

Perjanjian pertama adalah antara Mimos Bhd. dan The Kazakh Research Institute of Information Technologies untuk menukuhkan Pusat Kecemerlangan bagi Perkomputeran Awan dan usaha sama untuk mengakses projek komersil Kazakhstan.

Projek tiga tahun itu bernilai RM30.6 juta.

Perjanjian kedua adalah antara M.S. Elevators Sdn. Bhd. dan Samruk-Kazyna Real Estate Fund and Karagandalift LLP bagi penuhuhan usaha sama untuk mengeluarkan, membekal, memasang, menguji serta menyelenggara lift dan tangga bergerak.

Projek tiga tahun ini juga bernilai US\$10 juta.

Sementara itu MoU melibatkan Mimos serta MyEG Services Bhd. dengan National Agency for Technological Development JSC Kazakhstan untuk memudahkan perkongsian dalam pembangunan teknologi dan inovasi serta penyelidikan saintifik. - BERNAMA